


LAPORAN TAHUNAN



JABATAN ALAM SEKITAR
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

.....

KANDUNGAN

i n f o r m a s i

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Struktur Organisasi..... 1
- Perjawatan 1
- Peruntukan Kewangan 1
- Pungutan Hasil 1
- Carta Organisasi 2

1

BAHAGIAN OPERASI

- Program Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Bukan Ditetapkan.....5
- Lawatan Pemeriksaan Dan Penguatkuasaan Premis Industri5
- Program Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Ditetapkan Dan Punca-Punca Buangan Terjadual.....6
- Program Awasi Dan Statik 15
- Operasi Catat (Ops Catat) / Video Kamera16
- Operasi Bersepadu17
- Surat Pemberitahuan Di Bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 197417
- Ujisemula18
- Kawalan Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam18
- Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Berenjin Petrol.....19
- Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)19
- Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).....20
- Kawalan Pengurusan Refrigeran21
- Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel.....21
- Penyediaan Buku Log Pelepasan Gas Kenderaan Berenjin Petrol.....21
- Penguatkuasaan Bunyi Bising Motosikal22
- Penguatkuasaan Bunyi Bising Kereta22
- Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motorsikal23
- Aduan.....23
- Tindakan Mahkamah.....26

2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Pemprosesan Laporan EIA27
- Program Penguatkuasaan EIA27
- Penilaian Awal Tapak (PAT)29
- Pemberitahuan / Kelulusan Bertulis Bagi Alat Pembakaran Bahanapi Dan Alat Kawalan30
- Status Kualiti Alam Sekeliling32
- Kualiti Air Sungai33
- Kualiti Air Tanah36
- Kualiti Udara38
- Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar.....40
- Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur....43
- Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)43
- Pembangunan Sumber Manusia44

3

Prakata

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin NYA Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2011.


Penerbitan Laporan Tahunan 2011 adalah untuk memberi maklumat mengenai aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tahun ini dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pada tahun 2011, aktiviti untuk penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mengawal dan mencegah pencemaran serta meningkatkan kualiti alam sekeliling terus dilaksanakan. Aktiviti penguatkuasaan yang merupakan tugas utama Jabatan Alam Sekitar disokong oleh aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar untuk memberi pendedahan kepada orang awam mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan menerapkan nilai-nilai murni dan mesra alam di kalangan warga kota. Melalui pengetahuan dan pendedahan yang meluas mengenai kepentingan alam sekitar, masyarakat akan memberi lebih komitmen untuk memulihara alam sekitar dan ini dapat mengurangkan ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Laporan Tahunan 2011 ini diharap akan mengorak langkah yang lebih proaktif bagi menjamin pembangunan mampan dan lestari disamping meningkatkan lagi kualiti alam sekitar Malaysia umumnya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya. Kerjasama semua pihak termasuk orang awam diharap dapat membantu dalam meningkatkan kualiti alam sekitar dan menjamin kesejahteraan alam sekitar kita sepanjang masa.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di atas usaha dan komitmen yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.



TENGGU BAKRY SHAH TENGKU JOHAN

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

***BAHAGIAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN***



Paab



STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2011, JAS WPKL telah menerima Waran Perjawatan Bilangan E.101 Tahun 2011 baru di mana Kementerian Kewangan telah memperakukan pemansuhan 5 jawatan di JAS WPKL dari 101 perjawatan ke 95 perjawatan sekarang ini berikutan Pelaksanaan Perkhidmatan Awam yang kejut bagi Jabatan Alam Sekitar. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan. Carta Organisasi adalah seperti di Rajah 1.1.

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2011, JAS WPKL telah mempunyai 92 anggota daripada 95 perjawatan yang diluluskan. Pecahan jawatan adalah seperti di **Jadual 1.1**.


PERUNTUKAN KEWANGAN

Bagi tahun 2011, sebanyak RM4,598,100.00 peruntukan telah diterima daripada Ibu Pejabat untuk perbelanjaan mengurus. Sebanyak 96.28% telah dibelanjakan. RM15,000.00 peruntukan telah diterima bagi program Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar dan RM 34,000.00 bagi pembelian Harta Modal Jabatan.

PUNGUTAN HASIL

Tahun 2011 menyaksikan JAS WPKL mengalami sedikit penurunan dalam kutipan hasil iaitu sebanyak 19.4 % atau RM68,883.91 berbanding tahun 2010. Jika dalam tahun 2010 sebanyak RM354,281.61 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun, bayaran memproses permohonan lesen, jualan buku terbitan Jabatan Alam Sekitar, terimaan balik bayaran tahun lalu dan bayaran namun dalam tahun 2011 hanya RM285,397.70 sahaja dapat dikutip (Jadual 1.2).

CARTA ORGANISASI



BIL	JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	BI	KOSONG
1	PENGARAH	C54	1	1	0
2	KPP	C48	2	2	0
3	PKK	C44	2	1	1
4	PK	C41	8	8	0
5	PPKT	C38	1	1	0
6	PPKK	C32	10	10	0
7	PPK	C27	22	20	2
8	JTK	J26	1	1	0
9	JTK	J22	9	9	0
10	JT	J17	22	22	0
11	PPTK	N32	1	1	0
12	PPTM	F29	1	1	0
13	S/U PEJABAT	N27	1	1	0
14	PT/PO	N17	4	4	0
15	PT(W)	W17	2	2	0
16	PAP	N4	1	1	0
17	PKB	R3	7	7	0
JMLAH BESAR			95	92	3

Rajah 1.1 Carta Organisasi

Jadual 1.1 Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kakitangan
1	Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C54	1
2	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48	2
3	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan AS	C44	2
4	Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan AS	C41	8
5	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	1
6	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	10
7	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C27	22
8	Juruteknik	J26	1
9	Juruteknik	J22	9
10	Juruteknik	J17	22
11	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1
12	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1
13	Penolong Setiausaha	N27	1
14	Pembantu Akauntan	W17	2
15	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	4
16	Pembantu Am Pejabat	N4	1
17	Pemandu Kenderaan	R3	7
Jumlah Perjawatan			95

Jadual 1.2 Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2011

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
76199	Kompaun	268,795.37
71408	Bayaran Proses Permohonan	4,405.37
73199	Jualan Buku	530.00
73301	Jualan Harta Benda Kerajaan	1,050.00
81101	Terimaan Balik Bayaran Tahun Lalu	7,974.15
81199	Terimaan Balik Bayaran Balik yang lain	229.00
53101	Pinjaman Kenderaan	2,413.81
JUMLAH		285,397.70

BAHAGIAN OPERASI

Part **2**



UNIT PUNCA-PUNCA TETAP

PROGAM PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Program penguatkuasaan ditumpukan kepada pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Pada tahun 2011, program penguatkuasaan yang dilaksanakan terus memberi tumpuan kepada kategori industri yang bermasalah dan juga loji-loji rawatan sisa kumbahan, bengkel-bengkel kenderaan dan punca-punca yang menjana bahan buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya). Jumlah punca-punca pencemaran yang telah dikenalpasti dan berjaya direkodkan sehingga tahun ini adalah sebanyak 1822 punca.

Bagi tahun 2011, hasil pemantauan yang berterusan dan tindakan tegas Jabatan, beberapa premis yang mempunyai sistem pengolahan efluen yang bermasalah telah berjaya meningkatkan kecekapan sistem rawatan efluen masing-masing. Pihak premis juga telah memberikan kerjasama dan kesungguhan untuk mengatasi masalah mereka. Hasilnya, efluen yang dirawat telah dapat mematuhi Standard B, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Jabatan akan terus berusaha untuk mencapai sasaran pematuhan 100% pada tahun 2012.

LAWATAN PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN PREMIS INDUSTRI

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 458 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan. Selain daripada premis-premis perindustrian, lawatan penguatkuasaan juga dijalankan ke atas loji-loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., loji rawatan kumbahan swasta dan loji pembancuh konkrit. Sepertimana tahun 2010, program pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi tahun 2011 ditumpukan ke atas punca-punca pengeluaran efluen dan kumbahan yang bermasalah serta terhadap punca-

punca pengeluar buangan terjadual terutamanya loji pembersihan air, pengusaha bengkel kenderaan dan klinik. Hasil daripada program yang telah dilaksanakan, didapati status pematuhan premis-premis terus meningkat berbanding dengan tahun 2010. Peratusan pematuhan tersebut yang tertakluk kepada kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah seperti berikut:

- (i) 99.1% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
- (ii) 99.2% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009; dan
- (iii) 83.9% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Status pematuhan di atas dengan merujuk kepada jenis industri yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.0**.

PROGRAM PENGUATKUASAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN DAN PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL

Tahun ini Jabatan telah menerbitkan Prosedur Tetap Pemeriksaan Pengurusan Buangan Terjadual di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Prosedur ini dibentuk sebagai panduan kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar dalam mengenalpasti kawasan-kawasan atau takat-takat dalam sesuatu premis industri yang mungkin menjana buangan terjadual. Ianya khusus untuk pemeriksaan pengurusan buangan terjadual di premis industri sahaja. Selain daripada itu, semua aktiviti dan tindakan penguatkuasaan juga boleh dipantau melalui Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS), 'Monthly Discharge Monitoring Report (MDMR)' dan aplikasi web 'e-Consignment Note'. Beberapa siri taklimat dan latihan *hands-on* telah diberikan kepada wakil-wakil Kemudahan

Pemerolehan Kembali Separa dan juga pegawai-pegawai penguatkuasaan supaya pelaksanaan dan pemantauan pergerakan buangan terjadual melalui 'e-Consignment Note' menjadi lebih berkesan.

Bagi tahun 2011, program penguatkuasaan terhadap pengeluaran dan pengurusan buangan terjadual telah dijalankan dengan memberi penumpuan bagi mengenalpasti punca-punca baru dan mengemaskini senarai inventori pengeluar buangan terjadual yang sedia ada.

Penguatkuasaan juga telah dijalankan ke atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan yang telah dilesenkan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Berdasarkan kepada inventori terkini, terdapat 856 punca pengeluar buangan terjadual, 7 Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan 7 Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Senarai kemudahan tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1 dan 2.2**

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 410 pemeriksaan telah dijalankan ke atas punca-punca pengeluar buangan terjadual dan sebanyak 21 pemeriksaan ke atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan yang dilesenkan. Berdasarkan kepada inventori terkini, sebanyak 40,029.766 tan metrik buangan terjadual telah dijana dan dilupuskan pada tahun 2011.

Loji pembersihan air, hospital/klinik dan bengkel-bengkel kenderaan merupakan punca-punca utama yang menghasilkan buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan masing-masing menghasilkan sebanyak 50.0%, 19.0% dan 4.0% daripada keseluruhan jumlah yang dihasilkan. **Jadual 2.3** menunjukkan jenis industri yang menghasilkan buangan terjadual manakala **Jadual 2.4** menunjukkan kategori atau jenis buangan terjadual yang dihasilkan di sepanjang tahun 2011.

Jadual 2.0 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Pematuhan Kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya Mengikut Jenis Industri, 2011

BIL	JENIS INDUSTRI	BIL. LAWATAN	PPKAS (Udara Bersih) 1978		PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009 dan PPKAS (Kumbahan) 2009			PPKAS (Buangan Terjadual) 2005			Pindah / Tutup
			Patuh	Tidak Patuh	Patuh	Tidak Patuh	Tidak Tertakluk	Patuh	Tidak Patuh	Tidak Tertakluk	
1	Hospital/Klinik	132	132	-	44	-	88	102	25	5	1
2	Asas Kimia	8	8	-	1	-	7	6	-	2	1
3	Asas Logam	18	18	-	6	-	12	6	1	11	1
4	Asas Getah	6	6	-	2	-	4	3	2	1	-
5	Plastik	8	7	1	2	-	6	5	-	3	2
6	Bengkel	97	97	-	32	1	64	60	31	6	5
7	Elektrik dan Elektronik	6	6	-	3	-	3	5	-	1	1
8	Kayu / Kilang Papan	1	1	-	-	-	1	-	-	1	-
9	Asas Cetak (Kertas/Plastik)	16	15	1	6	-	10	9	5	2	1
10	Foundry	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
11	Makanan dan Minuman	13	13	-	10	1	2	9	-	4	1
12	Konkrit/ Simen/ 'Batching Plant'	3	2	1	1	-	2	-	-	3	1
13	Tekstil	5	5	-	3	-	2	3	-	2	1
14	Tanah dan Batu/ Seramik/Kuari	4	4	-	2	-	2	3	-	1	2
15	Pengangkutan Buangan Terjadual	7	7	-	7	-	-	7	-	-	-
16	Loji Kumbahan	106	106	-	106	-	-	106	-	-	5
17	Stesen Minyak	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
18	Gudang	2	2	-	-	-	2	-	-	2	2
19	Pelupusan Sampah	1	1	-	1	-	-	1	-	-	-
20	Perabot	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21	Perikanan	1	1	-	1	-	-	1	-	-	-
22	Hotel	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
23	Lain-Lain	24	23	1	7	-	17	18	2	4	2
JUMLAH		458	454	4	234	2	222	344	66	48	26
PERATUS PEMATUHAN			99.1	0.9	99.2	0.8	0.00	83.9	16.1	0.00	5.67

Jadual 2.1 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:
Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa e-Waste yang Dilesenkan, 2011

Bil	Kemudahan	Kategori Buangan Terjadual Yang Diproses
1.	Bayu Quantum Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
2.	SGK Technology Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
3.	Prestasi Mewah Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
4.	Ohgitani (M) Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
5.	S.I.S.J Usahaniaga Sdn. Bhd	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
6.	Thanam Industry Sdn Bhd	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)
7.	High Cans Corporation Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110)

Jadual 2.2 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:
Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan yang Dilesenkan,
2011

Bil	Kemudahan	Jenis Buangan Terjadual Yang Diangkut	Kod Kategori Buangan Terjadual
1.	Thanam Industry Sdn Bhd	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
2.	Bayu Quantum Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
3.	SGK Technology Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
4.	Ohgitani (M) Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
5.	S.I.S.J Usahaniaga Sdn. Bhd	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
6.	High Cans Corporation Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110
7.	Prestasi Mewah Sdn. Bhd.	Buangan Elektrikal & Elektronik	SW 110

Jadual 2.3 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kuantiti Buangan Terjadual yang Dihasilkan Mengikut Jenis Industri, 2011

JENIS INDUSTRI		KUANTITI (MT)
1	Klinikal / Farmasi	7,625.487
2	Automotif / Bengkel	1,561.21
3	Percetakan / Pembungkusan	690.712
4	Logam / Kejuruteraan	222.193
5	Mineral / Seramik / Jubin	153.69
6	Kimia	135.772
7	Elektrik & Elektronik	17.835
8	Asas Kertas / Plastik	13.655
9	Asas Getah	3.968
10	Berasaskan Kayu	1.417
11	Asbestos	0.710
12	Tekstil	0.654
13	Industri Gas	0.000
14	Kuari	0.000
15	Pelekat & Damar	0.000
16	LAIN-LAIN	20,012.000
	a. Loji Pembersihan Air	6.248
	b. Pembinaan	5.620
	c. Padang Golf	5.234
	d. Hotel	4.620
	e. Asas Simen	3.284
	f. Makanan	0.500
	g. Tapak Pelupusan Selamat	0.000
	h. Lombong	0.000
	i. Premis PYDT-BT	0.000
	j. Industri Gas	0.000
	k. Komputer	0.000
	l. Kaca	0.000
	m. Janakusa	0.000
	n. Fotografi	0.000
	o. Makmal	0.000
	p. Stesen Minyak	0.000
	q. Lain-lain	9,564.957
JUMLAH		40,029.766

Jadual 2.4 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kuantiti Buangan Terjadual yang Dihasilkan Mengikut Jenis Buangan, 2011

BIL	JENIS BUANGAN	KUANTITI (MT)
1	Enapcemar Logam Berat	28,506.274
2	Buangan Klinik / Farmasi	7,625.548
3	Minyak & Hidrokarbon Terpakai	1,544.545
4	Bateri Terpakai	1,073.729
5	Cat / Dakwat / Pelarut Terpakai	551.942
6	Kertas & Palstik Dicemari Buangan Terjadual	201.989
7	Bekas-Bekas Dicemari Buangan Terjadual	167.256
8	Pelarut Tidak Terhalogen Terpakai	105.759
9	Alkali Terpakai	93.49
10	Campuran Buangan Terjadual	79.013
11	Buangan Fotografi	41.017
12	Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste)	3.861
13	Fenol / Pelekat / Damar	3.056
14	Enapcemar Berasakan Getah	3.000
15	Asid Terpakai	2.800
16	Buangan Asbestos	1.331
17	Buangan Cecair Terma	1.077
18	Dros / Sanga / Klinker	0.948
19	Pelarut Terhalogen Terpakai	0.426
20	Buangan Gypsum	0.000
21	Enapcemar Galian	0.000
22	Mangkin Terpakai	0.000
23	Lain-lain	22.705
JUMLAH		40,029.766


Pemeriksaan ke atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa e-Waste



Pemeriksaan ke atas Kenderaan Pengangkut Buangan Terjadual



Buangan Klinikal (SW 404) dan Ubat-ubatan yang Terbuang



Buangan Elektrikal dan Elektronik (e-waste)



**Penstoran Buangan
Terjadual yang Diuruskan
dengan Baik**



**Rekabentuk Tapak
Penstoran yang Tidak
Mengikut Garispanduan
yang Ditetapkan**



**Persampelan Efluen di
Takat Pelepasan Akhir**



**Lawatan Pembelajaran ke
Premis Industri Bagi
Pengukuhan Prosedur Tetap
Pemeriksaan Pengurusan
Buangan Terjadual**



**Taklimat Industri Bagi
Pengukuhan Prosedur Tetap
Pemeriksaan Pengurusan
Buangan Terjadual**

UNIT PUNCA-PUNCA BERGERAK

PROGRAM AWASI DAN STATIK

Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan melalui Program AWASI (*Area Watch And Sanction Inspection*) di mana pegawai peronda JAS menjalankan rondaan di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur dengan memerhati dan memeriksa kenderaan berenjin diesel yang mengeluarkan asap hitam berlebihan.


Sepanjang tahun 2011, sebanyak 84 operasi penguatkuasaan secara rondaan telah dijalankan di mana 1022 kenderaan telah dipantau. Daripada jumlah kenderaan yang dipantau sebanyak 38 telah didapati melepaskan asap hitam yang berlebihan. Maklumat pemilik kenderaan seterusnya diperolehi melalui *JPJ Link* dan surat pemberitahuan di bawah Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berkenaan supaya membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang. Operasi statik juga dijalankan di beberapa lokasi strategik seperti di Plaza Tol Sungai Besi, Plaza Tol Jalan Duta, Plaza Tol Salak Jaya dan lokasi-lokasi lain yang bersesuaian.

Pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi had pelepasan asap yang telah ditetapkan sebanyak 50 HSU (*Hartridge Smoke Unit*) atau dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan (%) atau unit lain akan dikenakan kompaun maksimum RM 2,000.00 manakala kenderaan yang melebihi 80 HSU akan dikenakan kompaun dan juga Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga kenderaan tersebut dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam.

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 188 operasi penguatkuasaan secara rondaan dan operasi statik telah dijalankan. Hasil operasi tersebut sejumlah 35,482 kenderaan berenjin diesel dibuat pemerhatian di mana 17,710 buah daripadanya telah diperiksa

dan diuji dengan menggunakan meter asap. Daripada jumlah tersebut, 173 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun kerana gagal mematuhi had ketumpatan maksimum asap 50 HSU atau 48.5 %, manakala 20 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Peratus pematuhan keseluruhan adalah sebanyak 99.51 %.

Kenderaan yang paling banyak ditawarkan kompaun adalah lori kecil (143 buah), diikuti oleh lori (20 buah), trak ringan (7 buah), bas (1 buah), van (1 buah) dan lain-lain (1 buah) seperti yang ditunjukkan di **Rajah 2.1**.



Rajah 2.1 Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur: Bilangan Kenderaan Yang Dikompaun Mengikut Jenis, 2011

OPERASI CATAT (OPS CATAT) / VIDEO KAMERA

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai penguatkuasa telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik seperti berdekatan persimpangan jalan, di atas jejambat, perhentian bas serta jalan masuk dan keluar bandaraya untuk mencatat nombor pendaftaran

kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan dengan menggunakan kamera video.

Maklumat pemilik kenderaan seterusnya diperolehi melalui *JPJ Link* dan disusuli dengan pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 10 hari dari tarikh yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 204 operasi catat dan video telah dijalankan, 124 buah kenderaan di bawah pemerhatian dan sebanyak 85 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

OPERASI BERSEPADU

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2011, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 42 operasi bersama DBKL yang dikenali dengan Operasi KAPAS dan Ops HALANG dan telah menjalankan 10 operasi bersama JPJ.

SURAT PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 48A AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Di samping itu, sebanyak 184 Surat Pemberitahuan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi rondaan dan aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Surat Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap

hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

UJISEMULA

Pemilik kenderaan motor yang telah ditawarkan kompaun dan diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pemilik kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam yang diterima daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan orang awam adalah dikehendaki membawa kenderaan untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana pejabat Jabatan Alam Sekitar yang berhampiran. Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan program ujisemula di lokasi berhadapan Stadium Lumba Basikal (Velodrom), Bandar Tun Razak, Cheras. Operasi ujian semula dijalankan pada setiap hari Isnin dan Rabu jam 10.00 pagi – 11.00 pagi pada hari bekerja.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 836 buah kenderaan berenjin diesel telah datang untuk menjalani ujian semula di lokasi yang ditetapkan. Sebanyak 580 telah lulus ujian semula dan 256 kenderaan pula telah gagal ujian untuk kali pertama. Manakala kenderaan berenjin petrol pula, sebanyak 346 buah kenderaan telah datang diujisemula di lokasi yang telah ditetapkan. Sebanyak 274 buah kenderaan telah lulus ujian semula dan 72 buah kenderaan pula telah gagal ujian untuk kali pertama. Terdapat juga kenderaan yang hadir menjalani ujian asap secara sukarela bagi memastikan kenderaan mereka tidak melepaskan asap hitam yang berlebihan.

KAWALAN PELEPASAN ASAP DI PERHENTIAN BAS AWAM

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas

tujuh (7) buah hentian bas awam sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Hentian Puduraya, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Pasarama Kota, (Klang Bus Stand), Hentian Pasar Rakyat, Hentian Pekeliling dan juga Hentian KL Sentral. Di bawah Peraturan ini, menyatakan bahawa *tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian*. Sebanyak 109 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut sepanjang tahun 2011 dan sebanyak 1,592 buah bas telah dipantau. Daripada jumlah pemantauan tersebut, 1 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan bas yang didapati telah melanggar had tempoh masa selama lebih tiga (3) minit yang dibenarkan.

KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN BERENJIN PETROL

Pada tahun 2011, 93 operasi penguatkuasaan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 telah dilaksanakan.

Daripada operasi tersebut sejumlah 1402 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Sebanyak 325 daripada kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut.

KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan dikehendaki menyelenggara suatu kemudahan yang diluluskan dan hendaklah

menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Lawatan penguatkuasaan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) atau individu/syarikat yang memiliki atau mengendalikan 10 buah atau lebih kenderaan motor berenjin diesel adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca (at source).

Sejumlah 70 lawatan telah dijalankan ke atas 70 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tiada Notis Arahan dan kompaun dikenakan ke atas syarikat pada tahun 2011.

KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor samada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Bagi tahun 2011, sebanyak empat (4) buah premis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diberi kelulusan sebagai KYDL iaitu:

- | | |
|--------------------------|-----------------------------|
| i. PUSPAKOM Wangsa Maju; | iii. PUSPAKOM Bukit Maluri; |
| ii. PUSPAKOM Cheras; | iv. Alam Flora Sdn. Bhd. |

Lawatan penguatkuasaan telah dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun ke atas setiap KYDL dan satu (1) lawatan audit untuk tujuan perlanjutan sijil pengiktirafan oleh Jabatan Alam Sekitar.

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Operasi Penguatkuasaan bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Sebanyak 25 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan telah patuh dan sebanyak 2 buah kenderaan daripada 106 buah kenderaan yang telah diuji dengan menggunakan “Refrigerant Identifier” didapati telah gagal dan Surat Arahan telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan supaya mematuhi peraturan di atas.

KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 28 sampel telah diperuntukkan kepada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk program persampelan di stesen pam minyak. Penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 6 stesen pam minyak dan sebanyak 28 sampel telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Hasil analisa yang dijalankan didapati kesemua sampel tersebut telah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007.

PENYEDIAAN BUKU LOG PELEPASAN GAS KENDERAAN BERENJIN PETROL

Program ini adalah bagi pematuhan kepada Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 iaitu keperluan penyediaan buku log untuk merekod keputusan ujian pelepasan gas dari kenderaan berenjin petrol. Sebanyak 20 premis telah dilawati pada tahun 2011. Buat masa sekarang, penguatkuasaan adalah tertumpu ke atas premis yang mengendalikan kenderaan perdagangan. Hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan didapati kesemua premis yang dilawati telah mematuhi peraturan di atas.

PENGUATKUASAAN BUNYI BISING MOTORSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor 1987). Pada amnya aktiviti penguatkuasaan ini tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2011, tiga puluh tiga (33) operasi penguatkuasaan telah dijalankan samada secara statik ataupun secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan kerajaan. Sebanyak 1386 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 69 motorsikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut 26 didapati gagal mematuhi piawaian yang ditetapkan. Kompaun ke atas pemilik motosikal telah dikeluarkan oleh PDRM diatas kesalahan membuat pengubahsuaian keatas ekzos motosikal.

PENGUATKUASAAN BUNYI BISING KERETA


Penguatkuasaan bunyi bising kereta dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising kereta. Operasi penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Perbadanan Putrajaya. Sepanjang tahun 2011, tujuh (7) operasi penguatkuasaan bersama-sama PDRM dan Perbadanan Putrajaya telah dijalankan dan sebanyak 372 buah kereta telah diperiksa. Sebanyak 94 daripada darinya telah diuji menggunakan peralatan ujian bunyi bising dan 18 didapati gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Kompaun ke atas 10 pemilik kereta telah dikeluarkan di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Manakala selebihnya telah diarah untuk diuji semula selepas pembaikan dilaku

KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTORSIKAL

Pada tahun 2011, 85 operasi penguatkuasaan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, telah dijalankan. Sebanyak 2761 motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan bergas melahu bagi motosikal yang sedang digunakan. Daripada 2761 motosikal yang ditahan, sebanyak 2590 motosikal telah diuji daripada jumlah tersebut dan didapati 82 motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas pelepasan Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak 82 kompaun dan 101 surat arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had.

ADUAN

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 286 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 518 kes yang diterima pada tahun 2010 iaitu penurunan sebanyak 55%. Penurunan aduan yang diterima adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan aktiviti yang menyebabkan pencemaran terhadap alam sekitar. **Rajah 2.2** menunjukkan statistik aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semenjak tahun 2000.



Rajah 2.2 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tren Jumlah Aduan Yang Diterima 2000 - 2011

Pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 239 (83.57%) kes, diikuti dengan 20 (6.99%) kes pencemaran bunyi bising, 12 (4.20%) lain-lain kes pencemaran, 9 (3.15%) kes pencemaran air, 5 (1.75%) kes pencemaran buangan terjadual serta 1 (0.35%) kes pencemaran tanah seperti di dalam **Jadual 2.5**. Daripada 239 kes aduan pencemaran udara yang diterima, pada bulan Januari didapati menerima kadar aduan pencemaran udara tertinggi berbanding pada bulan-bulan lain iaitu 41 (14.34%) kes, manakala pada bulan-bulan lain menerima aduan kes pencemaran udara yang diterima pada kadar yang rata dan seimbang bagi setiap bulan.

Sebanyak 297 rondaan daratan telah dijalankan sepanjang tahun 2011 (**Jadual 2.6**). Rondaan daratan dijalankan menjerus kepada menyiasat aduan yang diterima, menguatkuasakan Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 larangan pembakaran terbuka dan di samping itu juga bagi mengesan pencemaran lain. Daripada jumlah rondaan tersebut, kebanyakan rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rondaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai zon larangan pembakaran terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 8 permohonan diterima bagi mendapatkan kebenaran melakukan pembakaran terbuka selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Di istiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003. Daripada jumlah itu 5 permohonan melibatkan pembakaran bagi aktiviti keagamaan yang melibatkan tempoh 18 hari, 3 permohonan bagi menjalankan latihan atau demonstrasi pembakaran yang melibatkan tempoh 20 hari.

Jadual 2.5 : Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Jenis Aduan Mengikut Bulan Pada Tahun 2011

Jenis Aduan Bulan	Udara	Air	Buangan Terjadual	Bunyi Bising	Tanah	Lain-lain	Jumlah	Peratus %
Januari	41	2	0	4	0	3	50	17.48%
Febuari	15	0	1	1	0	1	18	6.29%



Jenis Aduan Bulan	Udara	Air	Buangan Terjadual	Bunyi Bising	Tanah	Lain-lain	Jumlah	Peratus %
Mac	15	2	0	3	0	2	22	7.69%
April	21	0	0	2	0	1	24	8.39%
Mei	22	1	0	1	1	0	25	8.74%
Jun	21	0	2	1	0	2	26	9.09%
Julai	27	1	1	2	0	1	32	11.19%
Ogos	24	0	1	2	0	0	27	9.44%
September	18	0	0	1	0	0	19	6.64%
Oktober	11	0	0	0	0	0	11	3.85%
November	11	1	0	2	0	1	15	5.24%
Disember	13	2	0	1	0	1	17	5.94%
Jumlah	239	9	5	20	1	12	286	100.00%
Peratus %	83.57%	3.15%	1.75%	6.99%	0.35%	4.20%	100.00%	

* Rujukan laporan E-KAS 2011

Jadual 2.6. Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Menunjukkan bilangan rondaan daratan yang dijalankan setiap bulan sepanjang tahun 2011 dan aduan pencemaran yang telah di siasat.

Bulan	Rondaan Daratan	Bil. Aduan
Januari	21	50
Februari	17	18
Mac	23	22
April	21	24
Mei	20	25
Jun	22	26
Julai	25	32
Ogos	29	27
September	37	19
Oktober	28	11
November	25	15
Disember	29	17
Jumlah	297	286

TINDAKAN MAHKAMAH

Jadual 2.7 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Kes Tindakan Mahkamah Dan Denda, 2011

JENIS INDUSTRI/PUNCA	Bilangan Kes	DENDA (RM)
Seksyen 22		
▪ Pelepasan pencemaran oleh kenderaan diesel	25	39,400.00
▪ Pelepasan pecemaran oleh kenderaan petrol	3	4,850.00
JUMLAH		44,250.00

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bab

3



UNIT PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKITAR (EIA)


PEMROSESAN LAPORAN EIA

Pada tahun 2011, JAS WPKL telah menerima 2 Laporan Penilaian Awal Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA). Walau bagaimanapun satu daripadanya adalah Laporan EIA secara pentadbiran kerana tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

PROGRAM PENGUATKUASAAN EIA

Terdapat 54 projek EIA dan 6 projek pembangunan yang tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 yang masih dipantau oleh JAS WPKL sehingga bulan Disember 2011.

Daripada keseluruhan 60 projek tersebut, hanya 12 projek yang masih di peringkat pembinaan. Sebanyak 52 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 13 projek yang masih dipantau termasuklah yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 15 Notis Arahan dan 105 Surat Arahan telah dikeluarkan. Sebanyak 4 kompaun telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan sepanjang tahun 2011.



Rajah 3.0

Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Alam Sekitar) 1987.





“Silt trap” sebagai langkah bagi mengawal kelodakan



**Jajaran bagi projek
“Ampang (AMG) Line
Extension Project”**




UNIT PENILAIAN AWAL TAPAK DAN KEBENARAN BERTULIS (PAT/KB)

PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT)

Unit ini menjalankan fungsi untuk memproses dan memberi ulasan kepada permohonan premis dan projek pembangunan yang tidak tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Permohonan yang dirujuk untuk ulasan Jabatan ini boleh dibahagikan kepada beberapa aktiviti seperti cadangan pembinaan kilang baru, pemasangan loji pembancuh konkrit, pembinaan stesen minyak, gudang, bengkel dan aktiviti-aktiviti lain. Selain daripada itu, unit ini juga akan memberi ulasan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) terhadap sesuatu perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Asas penting yang diambil kira adalah untuk memastikan setiap keputusan yang dibuat menepati kehendak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dan seterusnya dapat mengawal kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar. Permohonan yang diterima akan disemak dan diteliti daripada semua aspek terutamanya dari segi kesesuaian tapak dan langkah-langkah kawalan pencemaran alam sekitar yang akan dilaksanakan. Jabatan ini sentiasa merujuk kepada garis panduan-garis panduan yang disediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar terutamanya kepada '*Guidelines on Siting and Zoning of Industries*' dan beberapa garis panduan lain sebagai asas di dalam membuat keputusan.

Bagi tahun 2011, status bilangan kes permohonan PAT yang diterima mengikut jenis permohonan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti di **Rajah 3.1**.



	Pembangunan Am	Loji konkrit	Kilang
Terima	8	16	1
Lulus	8	10	1
Tolak	0	6	0

Rajah 3.1 Status Permohonan Penilaian Awal Tapak Sepanjang Tahun 2011

PEMBERITAHUAN / KELULUSAN BERTULIS BAGI ALAT PEMBAKARAN BAHAN API DAN ALAT KAWALAN

Unit ini menjalankan fungsi untuk memproses semua permohonan Pemberitahuan Bertulis (PB) bagi pemasangan Loji Pengolahan Effluen yang baru atau mempertingkatkan Sistem/Loji Pengolahan Effluen yang sedia ada dan pemasangan sistem perangkap minyak di stesen-stesen minyak sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009.

Unit ini juga turut memproses permohonan Kelulusan Bertulis untuk pemasangan alat pembakaran bahanapi (APB) seperti dandang, janakuasa dan peralatan-peralatan kawalan pencemaran udara seperti 'Scrubber', Cerobong, 'Spray Booth' dan 'Dust Collector' seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Bagi tahun 2011, sebanyak 15 kes permohonan Kebenaran Bertulis (KB), dan 182 permohonan Alat Pembakaran Bahanapi (APB) telah diterima dan diproses. Manakala bagi permohonan Alat Kawalan (AK) sejumlah 10 permohonan telah diterima dan diproses.

Status permohonan Pemberitahuan / Kelulusan Bertulis, Alat Pembakaran Bahanapi dan Alat Kawalan yang diterima dan diproses pada tahun 2011 bagi Wilayah

Persekutuan Putrajaya adalah seperti ditunjukkan di dalam **Jadual 3.0** dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti **Jadual 3.1**.

Jadual 3.0 Status Permohonan PB/APB/AK Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2011

Permohonan Alat Pembakaran Bahanapi (APB)				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Janakuasa (Gen-Set)	16	16	-
2.	Chiller	-	-	-
JUMLAH		16	16	-

NOTA : * Tiada permohonan diterima bagi Alat Kawalan (AK) dan Pemberitahuan Bertulis (PB) di Putrajaya.

Jadual 3.1 Status Permohonan PB/APB/AK Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011

Permohonan Pemberitahuan Bertulis (PB)				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Loji Pengolahan Effluen			
	- Loji Baru	7	4	3
	- Up-Grading Loji	8	8	-
JUMLAH		15	12	3

Permohonan Alat Pembakaran Bahanapi (APB)				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Janakuasa (Gen-Set)	178	169	9
2.	'Burner - Spray Booth'	3	3	0
3.	Oven	-	-	-
4.	Boiler	1	1	0
JUMLAH		182	173	9

Alat Kawalan (AK)				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Spray Booth	6	6	0
2.	Oil Interceptor	1	1	0
3.	Scrubber	1	1	0
4.	Fume Hood	1	1	0
5.	Dust Collector	1	1	0
6.	Siklon	0	0	0
	JUMLAH	10	10	0



Loji pembancuh konkrit yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar kerana telah menyediakan langkah-langkah kawalan sewajarnya bagi mengelakkan sebarang masalah pencemaran udara daripada operasi loji.

UNIT PENGAWASAN

STATUS KUALITI ALAM SEKELILING

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan kerja-kerja pengawasan status kualiti alam sekeliling untuk memantau dan mengenalpasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Pengawasan kualiti alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengawasan kualiti air sungai, pengawasan kualiti air tanah dan pengawasan kualiti udara.

KUALITI AIR SUNGAI

Pada tahun 2011, terdapat sepuluh (10) stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan empat (4) batang sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Jinjang dan Sungai Batu sepertimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.2 dan Rajah 3.2**. Secara keseluruhannya, Tren Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) bagi tahun 2003 hingga 2011 menunjukkan semua stesen pengawasan dikategorikan sebagai sederhana tercemar dan tercemar seperti **Rajah 3.3**.




Peralatan Yang Digunakan Untuk Persampelan Dan Bacaan In-Situ Kualiti Air Sungai

Jadual 3.2 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011


Bil	Jenis Stesen	No. Stesen	Sungai	Lokasi
1	Manual	3016607	Klang	Jambatan di Petaling Bahagia
2		3116630	Klang	Jambatan berhampiran Bangunan Sultan Sulaiman
3		3117610	Klang	Jambatan Jalan Dang Wangi
4		3116626	Gombak	Jambatan di Perhentian Bas Pekeliling, Jalan Tun Razak
5		3217619	Gombak	Jambatan di Kampung Padang Balang
6		3116604	Batu	Jambatan di Jalan Kasipillay
7		3216621	Jinjang	Jambatan di Sekolah Kebangsaan Batu
8		1K25	Klang	Jambatan berhadapan Menara Mutiara Bangsar, Bangsar

Bil	Jenis Stesen	No. Stesen	Sungai	Lokasi
9		1K28	Batu	Point 3, Ulu Yam
10	Automatik		Jinjang	Asrama Anak-Anak Yatim, Kg. Batu, Bt 5, Jalan Ipoh




Rajah 3.2


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Peta Lokasi Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Bagi Lembangan Sungai Klang, 2011



Rajah 3.3 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tren Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011



Indikator pencemaran seperti di dalam **Rajah 3.4** menunjukkan 53 % pencemaran sungai adalah daripada segi parameter Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), 84 % pencemaran Ammoniakal Nitrogen (NH₃-N) yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti industri pembuatan dan kumbahan manakala 16 % pencemaran sungai adalah disebabkan oleh parameter pepejal terampai (SS) daripada aktiviti pembinaan dan kerja-kerja tanah.



Rajah 3.4 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Kualiti Air Sungai Mengikut Jenis Aktiviti, 2011



KUALITI AIR TANAH

Pada tahun 2011, kerja-kerja pemantauan kualiti air tanah telah dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kesemua 6 telaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kedudukan dan bilangan telaga adalah seperti **Jadual 3.3** Parameter-parameter yang dianalisa adalah logam berat, bahan kimia organik meruap (VOCs), jumlah keliatan (CaCO_3), jumlah pepejal terampai (TDS), sebatian berfenol (phenolic compound), racun makhluk perosak (pesticide), koliform dan bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan dan oksigen terlarut (DO).

Jadual 3.3 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:
Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011


<i>Bil.</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Bilangan Telaga</i>
<i>1.</i>	<i>Tapak Pelupusan Sampah Taman Beringin</i>	<i>2</i>
<i>2.</i>	<i>Tapak Pelupusan Sampah Sungai Besi</i>	<i>3</i>
<i>3.</i>	<i>Royal Golf Selangor Club</i>	<i>1</i>

Hasil pemantauan menunjukkan beberapa parameter telah dikesan melebihi had yang boleh diterima untuk kualiti air mentah di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (Pindaan Disember 2000) seperti ditunjukkan di **Jadual 3.4**. Secara keseluruhan telaga-telaga yang dipantau, didapati 75 % melebihi nilai yang boleh diterima bagi Arsenik (As), 67% bagi Besi (Fe), 67 % bagi Manganam (Mn) seperti **Rajah 3.5**.

Jadual 3.4 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Nilai Yang Boleh Diterima Untuk Kualiti Air Mentah Malaysia (Garispuandu Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan)

CVCBil.	Parameter	Nilai Boleh Terima
1	<i>Koliform</i>	<i>Tidak boleh dikesan bagi sampel 100ml</i>
2	<i>Sulfat</i>	<i>250 mg/l</i>
3	<i>Klorida</i>	<i>250 mg/l</i>
4	<i>Keliatan (CaCO₃)</i>	<i>500 mg/l</i>
5	<i>Sebatian Berfenol</i>	<i>0.002 mg/l</i>
6	<i>Nitrat</i>	<i>10 mg/l</i>
7	<i>Jumlah Pepejal Terlarut</i>	<i>1000 mg/l</i>
8	<i>Besi (Fe)</i>	<i>0.3 mg/l</i>
9	<i>Manganam (Mn)</i>	<i>0.1 mg/l</i>
10	<i>Kuprum</i>	<i>1.0 mg/l</i>
11	<i>Kromium (Cr)</i>	<i>0.05 mg/l</i>
12	<i>Plumbum (Pb)</i>	<i>0.01 mg/l</i>
13	<i>Zink (Zn)</i>	<i>3.0 mg/l</i>
14	<i>Kadmium (Cd)</i>	<i>0.003 mg/l</i>
15	<i>Arsenik (As)</i>	<i>0.01 mg/l</i>
16	<i>Raksa (Hg)</i>	<i>0.001 mg/l</i>
17	<i>Selenium (Se)</i>	<i>0.01 mg/l</i>

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia



Rajah 3.5 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kualiti Air Tanah (Peratusan Parameter Yang Melempi Nilai Yang Boleh Terima) Bagi Telaga Air Tanah Di Lembah Klang / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011


KUALITI UDARA

Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan oleh pihak Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995. Dua (2) buah stesen pengawasan udara automatik yang beroperasi secara automatik 24 jam telah ditempatkan di Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras dan Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Kuala Lumpur. Manakala dua (2) buah stesen pengawasan kualiti udara menggunakan alat High Volume Sampler (HVS) bagi percontohan habuk terampai (TSP) dan kandungan Plumbum (Pb) ditempatkan di Pejabat Pos Pudu, Kuala Lumpur dan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti di **Jadual 3.5**. Pada tahun 2011, status kualiti udara (IPU) didapati berada pada tahap sihat pada dua stesen di Kuala Lumpur, Sila lihat **Rajah 3.6**.


Jadual 3.5 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Udara Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011

Bil.	Stesen	Jenis
1.	Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras	Sistem Udara Automatik
2.	Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur	Sistem Udara Automatik
3.	Pejabat Pos Pudu, Kuala Lumpur	High Volume Sample (HVS)
4.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut.	High Volume Sample (HVS)

a) Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras



b) Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur




Rajah 3.6 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Hari Indeks Pencemaran Udara (IPU) bagi 2 stesen Di Lembah Kelang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011.

UNIT PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

AKTIVITI PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar untuk menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar dengan tujuan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah dan orang awam mengenai kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan ialah ceramah, pameran dan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), Program Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Program Sekolah Lestari (**Rajah 3.7**).

Rajah 3.7 Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Yang Telah Dijalankan Oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2011.



KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS)

Sepanjang tahun 2011, sebanyak empat (4) aktiviti KeKAS telah diadakan seperti **Jadual 3.6**. Empat buah sekolah telah terpilih untuk pelaksanaan aktiviti KeKAS di peringkat sekolah yang bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan pelajar sekolah mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

Jadual 3.6 Aktiviti KeKAS sepanjang tahun 2011.

Bil	Nama Aktiviti	Tempat & Tarikh	Aktiviti
1	Kem Kesedaran Alam Sekitar SMK Raja Ali	30/4/2011- 1/5/2011 Taman Alam, Kuala Selangor, Selangor	Aktiviti kesedaran alam sekitar untuk menghargai dan tanam sifat sayang kepada alam dan mengenali ekologi hutan paya bakau
2	Kem Kesedaran Alam Sekitar SMK Puteri Ampang	24-26/6/2011 Kalumpang Resort & Training Centre, Selangor	Aktiviti kesedaran alam sekitar untuk pupuk tanggungjawab dan disiplin terhadap alam
3	Kem Kesedaran Alam Sekitar SK Jalan Air Panas	22-24/7/2011 DDMBH Eco Village Hulu Langat, Selangor	Aktiviti yang dilakukan mengikut Modul Ekosistem Hutan
4	Kem Kesedaran Alam Sekitar SMK Taman Tun Dr. Ismail TTDI	22-24/7/2011 Hutan Paya Laut Matang & Kuala Gula, Perak	Mengenai spesies dan fungsi dan ekologi hutan paya bakau dan aktiviti kesedaran alam sekitar

PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Beberapa program RAS telah diadakan seperti **Jadual 3.7**. Program-program yang diadakan merupakan salah satu usaha Jabatan Alam Sekitar untuk menyebarkan maklumat dan mempunyai matlamat yang murni untuk mendapatkan kerjasama serta penglibatan masyarakat demi menjaga dan melindungi alam sekitar khususnya di WPKL ini.

Matlamat Utama RAS ialah menjadikan orang ramai sebagai mata dan telinga jabatan dalam membenters masalah alam sekitar berkonsepkan "community

base" dan "hands on". Di samping itu juga memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga alam sekitar ini tak kira agama bangsa keturunan, tua atau muda, lelaki atau wanita.

Jadual 3.7 Program RAS sepanjang tahun 2011

Bil.	Tarikh	Tempat	Aktiviti
1	18-19 Jun 2011	Nur Lembah Pangsun, Selangor	JAS WPKL telah menganjurkan Kem Melestari Alam Sekitar kepada ahli RAS dan telah disempunakan oleh Pengarah JAS WPKL, Y.M. Tengku Bakry Shah Tengku Johan. Kem tersebut telah disertai oleh belia seramai 45 orang. Kem ini memberi pendedahan kepada peserta tentang program RAS dan kesedaran alam sekitar serta tanggungjawab ahli RAS sebagai individu untuk bersama-sama menjaga dan memelihara alam sekitar.
2	14-16 Oktober 2011	Kem Lembah Genting, Batang Kali, Selangor	JAS WPKL Telah menganjurkan Kem Sahabat Alam Sekitar kepada ahli RAS seramai 50 Orang. Tujuan untuk membentuk sahsiah, keperihatinan dan rasa tanggungjawab bagi memelihara alam sekitar.
3	22 Oktober 2011	Dewan PDRM Setiawangsa	Diadakan program RAS bersama penduduk setempat yang terdiri daripada ahli rukun tetangga kawasan setiawangsa. Antara program adalah seperti penanaman pokok dan edaran pokok kepada penduduk. Turut diadakan adalah pameran oleh JAS serta membuka keahlian RAS untuk penduduk kawasan tersebut. Program dirasmikan oleh MP Parlimen Y.B Dato' Sri Haji Zulhasnan Rafique.
4	27 November 2011	Dewan Precint 11 Putrajaya	Diadakan program RAS bersama penduduk setempat kawasan Parlimen Putrajaya. Antara program adalah seperti penanaman pokok. Turut diadakan adalah pameran oleh JAS serta membuka keahlian RAS untuk penduduk kawasan tersebut. Program dirasmikan oleh MP Parlimen Y.B Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.
5	9-11 Disember 2011	Dusun Eco Resort Bentong Pahang	JAS WPKL telah menganjurkan Kem Kepimpinan Alam sekitar kepada ahli-ahli RAS termasuk anggota JAS Kuala Lumpur dan Ibupejabat dan beberapa JAS negeri lain bagi membentuk jati diri, kerja berpasukan dan meningkatkan motivasi diri ke arah menjadi pemimpin yang berwibawa dalam melaksanakan tugas menjaga alam sekitar. Di samping didedahkan dengan beberapa teknik program yang boleh digunapakai untuk pengisian program Kesedaran Alam sekitar

SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR (MASM) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Matlamat utama Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Jadual 3.8 Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sempena sambutan MASM 2011 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bil	Tarikh	Aktiviti	Tempat
1	1/1/2011	Kempen Kurangkan Penggunaan Bag Plastik & Hari Tanpa Plastik Peringkat WPKL	Tesco Stores Village Mall Kepong
2	23/4/2011	Earth Day 2011	Tasik Titiwangsa
3	24-26/6/2011	Kem Kesedaran Alam Sekitar (KKAS) 2011	Taman Wetland, Putrajaya

SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

LATAR BELAKANG

Program SLAAS merupakan program anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama teknikal daripada Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM. Objektif utama program ini adalah untuk membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat Negara.

'FLAGSHIP' RAS

Bermula tahun 2011, program Sekolah Lestari dijadikan sebagai program 'flagship' dalam melaksanakan Program RAS di peringkat sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Program ini akan dilaksanakan mengikut kawasan Parlimen di seluruh Malaysia. Bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan 12 Parlimen dan sebanyak 14 buah sekolah telah menerima peruntukan untuk projek khas RAS. Disamping itu, sekolah-sekolah tersebut digalakkan untuk menyertai Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) untuk sesi 2011/2012.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 76 program latihan telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini adalah merangkumi kursus, bengkel, seminar dan taklimat. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain program latihan, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga menganjurkan sejumlah 24 sesi kolokium di dalam dan diluar Jabatan yang berbentuk ceramah, taklimat dan latihan teknikal kepada semua pegawai. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu.



Program Rakan Alam Sekitar (RAS)



Program Rakan Alam Sekitar (RAS)



Pameran Alam Sekitar kepada orang awam dan pelajar sekolah

Terbitan

**JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR,**

Tingkat 1 & 2, Wisma SCA,

No. 3, Jalan Sungai Besi,

57100 Wilayah Persekutuan,

KUALA LUMPUR.

Tel: +603.9221.5543 Faks: +603.9221.6437

